

PEMBUNUHAN SEPARA SENGAJA: ANALISIS PERUNDANGAN PERBANDINGAN MENURUT PERSPEKTIF FIKAH SUNNI EMPAT MAZHAB

SEMI-INTENTIONAL KILLING: A COMPARATIVE LEGAL ANALYSIS FROM THE PERSPECTIVE OF THE FOUR SUNNI SCHOOLS OF FIQH

Muhammad Jamil Kamalulai^{1*}
Muhammad Amir Husairi Che Rani²,
Nur Ainina Mohd Fauzi³,
Azarudin Awang⁴,

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Terengganu Branch, Bukit Besi Campus, Malaysia
(E-mail: jamilkamalulai@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Terengganu Branch, Dungun Campus, Malaysia
(E-mail: amirhusairi@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Terengganu Branch, Dungun Campus, Malaysia
(E-mail: aininafauzi@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Terengganu Branch, Dungun Campus, Malaysia
(E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

*Corresponding author: jamilkamalulai@uitm.edu.my

Article history

Received date : 12-5-2025
Revised date : 12-5-2025
Accepted date : 18-6-2025
Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Kamalulai, M. J., Che Rani, M. A. H., Mohd Fauzi, N. A., & Awang, A. (2025). Pembunuhan separa sengaja: Analisis perundangan perbandingan menurut perspektif Fikah Sunni Empat Mazhab. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 447 - 455.

Abstrak: Pembunuhan separa sengaja (*shibh al-‘amd*) merupakan satu kategori jenayah yang dibahaskan secara meluas dalam wacana *fiqh* Islam, terutamanya dalam kalangan empat mazhab utama Sunni. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis definisi dan hukum pembunuhan separa sengaja menurut perspektif mazhab Hanafi, Maliki, Syafi‘i, dan Hanbali melalui pendekatan analisis perbandingan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara dalam mentakrifkan serta menetapkan bentuk dan hukuman terhadap pembunuhan separa sengaja antara mazhab-mazhab tersebut, khususnya antara pandangan Imam Malik yang menolak kewujudan kategori ini dengan pandangan *jumhur fuqaha* yang mengiktirafnya sebagai satu kategori tersendiri. Kajian ini juga menilai dalil-dalil nas dan hujah akal yang dikemukakan bagi menyokong kedudukan masing-masing, dan mendapati bahawa pendapat *jumhur* yang menerima kewujudan *shibh al-‘amd* mempunyai asas yang lebih kukuh dari sudut nas dan pengamalan *fuqaha*. Kesimpulannya, perbahasan mengenai *shibh al-‘amd* mencerminkan dinamika perundangan Islam dalam menangani kes-kes pembunuhan yang berlaku tanpa niat membunuh secara langsung, namun tetap membawa implikasi syariah yang signifikan terhadap pelaku.

Kata Kunci: Pembunuhan Separa Sengaja, *Fiqh* Jenayah Islam, Mazhab Sunni, Perbandingan Mazhab

Abstract: *Semi-intentional homicide (shibh al-‘amd) is a category of crime extensively discussed in the discourse of Islamic jurisprudence, particularly among the four major Sunni schools of thought. This study aims to analyse the definitions and legal rulings of semi-intentional homicide according to the perspectives of the Hanafi, Maliki, Shafi‘i, and Hanbali schools through a comparative analytical approach. Findings indicate significant differences in defining and determining the forms and punishments for semi-intentional homicide, especially between the opinion of Imam Malik who rejects this category and the majority of scholars (jumhur) who recognise it as a distinct classification. This study also evaluates textual evidence (nas) and rational arguments presented to support each position, and concludes that the opinion of the majority, which affirms the existence of shibh al-‘amd, has stronger foundational support in terms of scriptural and juristic applications. In conclusion, the discourse on shibh al-‘amd reflects the dynamism of Islamic legal thought in addressing homicide cases committed without direct intent to kill, yet which carry significant implications under Shariah law.*

Keywords: *Semi-Intentional Homicide, Islamic Criminal Jurisprudence, Sunni Schools Of Thought, Comparative Madhhab*

Pendahuluan

Islam ialah agama yang diturunkan oleh Allah dengan penuh hikmah dan rahmat, sesuai dengan fitrah semula jadi manusia yang inginkan kebaikan, keadilan dan ketenangan dalam kehidupan. Dalam pelaksanaan hukum Islam, terdapat pelbagai peraturan yang bertujuan untuk memastikan sesuatu perintah dipenuhi mengikut panduan al-Quran dan sunnah. Ketika Islam datang, pembunuhan tanpa hak berlaku secara meluas dalam kalangan bangsa Arab Jahiliyah dan masyarakat lain. Islam kemudian mengharamkan perbuatan ini dan menetapkan hukuman tegas di dunia serta azab yang berat di akhirat bagi sesiapa yang melakukannya.

Jenayah bunuh merupakan antara dosa besar yang sangat dilarang dalam Islam kerana ia melibatkan penghilangan nyawa tanpa hak, bertentangan dengan prinsip maqasid syariah yang mengutamakan pemeliharaan jiwa. Namun begitu, isu jenayah bunuh masih berlaku dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Menurut data yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 860 kes jenayah bunuh telah dilaporkan di seluruh negara dari tahun 2021 hingga Jun 2024, dengan purata lima kes berlaku setiap minggu. Majoriti kes ini melibatkan hubungan kekeluargaan atau persahabatan antara mangsa dan suspek. Fenomena ini menimbulkan persoalan sejauh mana masyarakat Muslim benar-benar memahami hukum syarak berkaitan pembunuhan serta keinsafan terhadap implikasinya di dunia dan akhirat.

Dalam konteks undang-undang Islam, hukuman seperti qisas, diyat, dan konsep 'aqilah telah digariskan sebagai mekanisme keadilan dan pencegahan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti punca berlakunya jenayah bunuh dalam kalangan umat Islam di Malaysia, menilai kefahaman terhadap undang-undang syariah berkaitan, dan melihat bagaimana pelaksanaan hukuman Islam boleh menyumbang ke arah pencegahan jenayah ini dalam masyarakat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analitis komparatif untuk menganalisis dan membandingkan pendapat ulama dalam empat mazhab Sunni berkenaan isu shibh al-‘amd (pembunuhan separa sengaja). Pendekatan ini melibatkan kajian terhadap kitab-kitab fiqh Islam dan utama sebagai sumber utama rujukan, yang merangkumi pandangan para ulama terdahulu

dalam mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali. Setiap pendapat akan dikaji dengan teliti untuk menilai kesamaan dan perbezaannya.

Selain itu, metodologi kritis digunakan untuk mengkaji dan menilai hujah-hujah yang diberikan oleh ulama dalam setiap mazhab, dengan mempertimbangkan kekuatan dan kelemahan setiap dalil yang dikemukakan. Penilaian ini bertujuan untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai kedudukan *shibh al-'amd* dalam hukum Islam.

Jenayah Sebagai Bentuk Kejahatan

Dalam bahasa Arab, perkataan *jinayah* bermaksud dosa atau kesalahan. Ia berasal daripada kata dasar *jana*, yang kemudian digunakan untuk merujuk kepada sesuatu perbuatan yang dikenakan hukuman. Menurut tokoh ilmuwan Al-Jurjani (1983), *jinayah* ialah apa-apa perbuatan yang dilarang dan boleh menyebabkan kerosakan sama ada kepada diri sendiri atau orang lain. Manakala Al-Haskafi (1994) pula menjelaskan bahawa dalam hukum Islam, *jinayah* merujuk kepada perbuatan haram yang menyebabkan kerosakan pada tubuh badan atau nyawa. Namun, para ulama lebih cenderung menggunakan istilah *jinayah* khusus untuk kerosakan yang melibatkan tubuh atau anggota badan, manakala untuk kesalahan berkaitan harta seperti merampas, mencuri atau merosakkan harta, mereka menggunakan istilah lain seperti *ghasab* (perampasan) dan *sariqah* (pencurian). (al-Kāsānī, 2000)

Dalam sesetengah kes, istilah *jinayah* juga digunakan untuk menggambarkan kerosakan yang dilakukan oleh haiwan, yang disebut sebagai *jinayah haiwan*. Selain itu, terdapat juga perkataan lain seperti *jurm* dan *jarimah* yang turut bermaksud dosa. Dalam istilah hukum Islam, Al-Mawardi mentakrifkan jenayah sebagai semua perkara yang dilarang oleh syarak, yang pelakunya boleh dikenakan hukuman hudud atau ta'zir. Secara umum, *jarimah* membawa maksud yang lebih luas berbanding *jinayah*, kerana ia merangkumi pelbagai jenis kesalahan sama ada terhadap diri, harta, atau masyarakat. (al-Māwardī, n.d.)

Sebahagian besar fuqaha membicarakan tentang pembunuhan, kecederaan, dan pukulan di bawah istilah *jinayah* kerana mereka terpengaruh dengan penggunaan istilah ini bagi perbuatan-perbuatan tersebut. (al-Bujayrimī, 1950) Namun, ada dalam kalangan fuqaha yang membincangkan perbuatan-perbuatan ini di bawah tajuk *al-Jarah* (luka), dengan menganggap bahawa perbuatan mencederakan adalah cara yang paling lazim bagi pembunuhan dan serangan ke atas diri dan anggota. (Ibn Hajar al-Haytamī, 1983) Selain itu, terdapat juga fuqaha yang lebih suka menggunakan istilah *al-Dam* (darah) sebagai tajuk bagi jenayah pembunuhan, kecederaan, dan pukulan, sama ada kerana mereka melihat hasil utama jenayah ini adalah pertumpahan darah, ataupun kerana hukum-hukum bagi jenayah ini bertujuan untuk melindungi nyawa manusia daripada pertumpahan darah. (al-Dusūqī, n.d.)

Pandangan Para Fuqaha Dalam Menentukan Hakikat Pembunuhan Separa Sengaja

Menurut majoriti fuqaha, pembunuhan manusia berdasarkan niat atau tanpa niat terbahagi kepada tiga jenis: (al-Kāsānī, 2000)

1. Pembunuhan secara sengaja
2. Pembunuhan separa sengaja
3. Pembunuhan tersalah

Namun, menurut Malik, pembunuhan hanya terbahagi kepada dua jenis, iaitu sengaja dan tersalah sahaja. Beliau berpendapat sesiapa yang menambah kategori lain telah melampaui

ketetapan nas syarak. (Ibn Rushd al-Hafid, 2004) Oleh itu, berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai kewujudan kategori pembunuhan separuh sengaja, dan perbincangannya adalah seperti berikut:

Pembunuhan Separuh Sengaja Menurut Hanafiah

Majoriti fuqaha berpandangan bahawa terdapat jenis pembunuhan separuh sengaja yang berbeza daripada pembunuhan sengaja dan pembunuhan tersalah. Mereka menetapkan hukum khusus bagi pembunuhan separuh sengaja ini. Antara fuqaha yang berpegang kepada pendapat ini ialah ulama daripada mazhab Hanafi, Syafi'i, dan Hanbali. (al-Khaṭīb al-Shirbīnī, n.d.& Ibn Qudāmah, 1930)

Menurut Abu Hanifah, pembunuhan separuh sengaja ialah perbuatan menyerang seseorang dengan sengaja menggunakan sesuatu yang bukan senjata atau yang tidak dianggap sebagai senjata, iaitu sesuatu yang tidak tajam dan tidak boleh memotong, seperti tongkat, batu, atau kayu besar. Pembunuhan yang dilakukan menggunakan benda berat seperti ini dianggap sebagai pembunuhan separuh sengaja kerana biasanya ia tidak menyebabkan kematian dan bertujuan untuk menghukum, bukan membunuh. (al-Ḥaṣkafī, 2002 & al-Kāsānī, 2000)

Mazhab Hanafi membahagikan pembunuhan separuh sengaja kepada tiga jenis, seperti yang dinyatakan oleh al-Kāsānī (2000):

1. Jenis pertama: Berniat untuk membunuh dengan menggunakan kayu, batu, atau cambuk, tetapi alat tersebut secara kebiasaannya tidak menyebabkan kematian, seperti pukulan menggunakan cambuk kecil sekali atau dua kali sahaja tanpa meneruskan pukulan.
2. Jenis kedua: Memukul dengan cambuk kecil tetapi secara berterusan sehingga menyebabkan kematian. Kedua-dua bentuk ini disepakati oleh fuqaha Hanafi.
3. Jenis ketiga: Berniat membunuh dengan sesuatu yang biasanya menyebabkan kematian tetapi bukan alat tajam atau alat yang boleh menikam, seperti alat berat tukang kain, batu besar, atau kayu besar. Jenis ini dianggap sebagai pembunuhan separuh sengaja menurut Abu Hanifah, tetapi dianggap sebagai pembunuhan sengaja menurut kedua sahabatnya iaitu Abu Yusuf dan Muhammad.

Menurut dua sahabat Abu Hanifah, membunuh dengan menggunakan benda berat seperti batu besar atau kayu besar dianggap sebagai pembunuhan sengaja. Bagi mereka, pembunuhan separuh sengaja ialah perbuatan memukul dengan sesuatu yang biasanya tidak menyebabkan kematian, seperti batu kecil, kayu kecil, atau tamparan. (Ibn al-Humām, 2003)

Berdasarkan pandangan ini, pukulan dengan cara yang tidak lazim menyebabkan kematian, seperti menggunakan kayu kecil, batu kecil, tamparan, dan cambuk, disepakati sebagai pembunuhan separuh sengaja oleh ketiga-tiga ulama Hanafi, manakala penggunaan batu besar, kayu besar, atau seumpamanya yang dilempar dari tempat tinggi seperti bumbung atau gunung dianggap sebagai pembunuhan separuh sengaja menurut Abu Hanifah, tetapi dianggap sebagai pembunuhan sengaja oleh kedua sahabatnya.

Pembunuhan Separuh Sengaja Menurut Mazhab Syafi'i

Ulama Syafi'i (al-Nawawi, 1991) menyatakan bahawa pembunuhan separuh sengaja berlaku apabila terdapat niat untuk melakukan perbuatan terhadap seseorang dengan menggunakan sesuatu yang biasanya tidak menyebabkan kematian. Mereka mentakrifkan pembunuhan separuh sengaja sebagai "perbuatan yang dilakukan dengan sengaja tetapi tanpa niat untuk membunuh, dan perbuatan itu menyebabkan kematian". (al-Ghazālī, 2006) Menurut ulama Syafi'i, pembunuhan separuh sengaja berlaku apabila seseorang berniat mencederakan orang

lain dengan alat yang biasanya tidak menyebabkan kematian, tetapi akhirnya menyebabkan kematian. Oleh itu, hukuman pembunuhan sengaja tidak dikenakan kerana pelaku tidak berniat untuk membunuh. (al-Shīrāzī, 2013)

Kebanyakan ulama Syafi'i mentakrifkan pembunuhan separuh sengaja sebagai "perbuatan yang sengaja dilakukan terhadap seseorang atau terhadap sasaran tidak tertentu dengan alat yang biasanya tidak menyebabkan kematian". (al-Ramlī, 1984)

Pembunuhan Separuh Sengaja Menurut Hanbaliah

Ulama Hanbali memberikan dua contoh pembunuhan separuh sengaja seperti yang dijelaskan oleh Ibn Qudāmah (1930):

Contoh pertama: Berniat memukul seseorang dengan cara melampau menggunakan sesuatu yang biasanya tidak menyebabkan kematian, seperti kayu kecil, batu kecil, atau tamparan.

Contoh kedua: Berniat untuk mendidik atau menghukum seseorang tetapi memukulnya secara berlebihan sehingga menyebabkan kematian.

Menurut ulama Hanbali, kedua-dua bentuk ini dianggap sebagai pembunuhan separuh sengaja kerana pelaku tidak berniat untuk membunuh, tetapi perbuatannya menyebabkan kematian.

Pembunuhan Separuh Sengaja Menurut Malikiyah

Mazhab Maliki berpendapat bahawa jenis pembunuhan separuh sengaja tidak wujud. Menurut mereka, pembunuhan hanya terbahagi kepada dua jenis, iaitu sengaja dan tersalah, tanpa ada jenis ketiga di antaranya. Mereka berpandangan bahawa sesiapa yang menambah kategori ketiga telah menambah kepada ketetapan nas syarak. Menurut pandangan Imam Malik, pembunuhan sengaja ialah setiap perbuatan yang dilakukan dengan niat untuk mencederakan seseorang yang menyebabkan kematian, tanpa mengira jenis alat yang digunakan. Manakala, jika kematian berlaku akibat perbuatan yang bertujuan untuk bermain atau mendidik, maka ia dianggap sebagai pembunuhan tersalah. (al-Kharshī, 1899) Namun, menurut pandangan yang kurang masyhur dalam mazhab Maliki, Ibn Wahb berpendapat bahawa pembunuhan separuh sengaja adalah sabit hukumnya. Pandangan ini diriwayatkan oleh Ibn Habib daripada Ibn Wahb, Ibn Shihab, Rabi'ah, dan Abu Az-Zinad, dan juga diceritakan oleh fuqaha Iraq daripada Imam Malik.

Menurut Ibn Wahb, pembunuhan separuh sengaja berlaku apabila seseorang dipukul menggunakan tongkat, tamparan, atau tumbukan. Jika perbuatan tersebut dilakukan dengan niat marah, maka hukumannya adalah qisas (hukuman balas). Namun, jika ia dilakukan dengan niat bermain-main, maka hukumnya ialah pembayaran diyat yang berat, dan ia dianggap sebagai pembunuhan separuh sengaja.

Fuqaha Iraq daripada mazhab Maliki pula berpandangan bahawa jika pukulan seperti yang disebutkan dilakukan dengan niat marah, maka ia dianggap sebagai pembunuhan separuh sengaja, kerana pelaku berniat untuk memukul dalam keadaan marah. (al-Mālikī, 2014; al-Kharshī, 1899; Ibn Rushd, 2014)

Perbincangan

Golongan yang berpegang kepada pendapat pertama menggunakan dalil daripada yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Ketahuilah bahawa pembunuhan tersalah yang menyerupai sengaja adalah pembunuhan menggunakan*

cambuk atau tongkat, dan diyatnya ialah seratus ekor unta, di antaranya empat puluh ekor yang sedang bunting." Badr al-Din al-'Aini (2000) dalam kitab Al-Binayah fi Syarh Al-Hidayah berkata: "Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud, An-Nasa'i, dan Ibnu Majah daripada Abdullah bin Amr bin Al-'As r.a."

Arah Petunjuk Hukum (وجه الدلالة): Hadis ini secara jelas menunjukkan bahawa diyat bagi pembunuhan separuh sengaja adalah seratus ekor unta, sama seperti diyat pembunuhan sengaja. Nabi SAW menjelaskan maksud pembunuhan separuh sengaja dengan menyebut pukulan menggunakan cambuk atau tongkat. Oleh itu, mereka menetapkan bahawa pembunuhan sengaja disabitkan dengan dalil-dalil hadis yang terdahulu, manakala pembunuhan yang berlaku akibat kesilapan dianggap sebagai separuh sengaja kerana ia melibatkan kesalahan yang tidak disengajakan tetapi berlaku akibat pukulan yang bertujuan lain.

Sabda Rasulullah SAW selanjutnya: *"Ketahuilah bahawa pembunuhan tersalah yang menyerupai sengaja..."* menunjukkan bahawa terdapat dua jenis jenayah, iaitu satu jenayah yang dinamakan sebagai pembunuhan separuh sengaja di mana pembunuhannya tidak disengajakan. Ia dianggap sebagai pembunuhan separuh sengaja kerana melibatkan niat untuk memukul, namun akibatnya adalah kematian yang tidak disengajakan. Oleh sebab itu, diyat bagi pembunuhan ini diperberatkan, dan hadis ini menetapkan hukum pembunuhan separuh sengaja. (Abū Zayd, 1996)

Golongan yang berpegang kepada pendapat kedua mengemukakan dalil mereka daripada ayat-ayat Al-Quran misalnya dalil daripada firman Allah SWT dalam An-Nisa ayat 92 yang bermaksud:

"Dan tidaklah harus bagi seorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain kecuali kerana tersalah. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin kerana tersalah, maka hendaklah dia memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar diyat kepada ahli keluarga mangsa..."

Selanjutnya pada firman Allah dalam surah An-Nisa ayat 93 yang bermaksud:

"Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka Jahannam, dia kekal di dalamnya, dan Allah murka kepadanya serta melaknatnya dan menyediakan baginya azab yang besar..."

Arah Petunjuk Hukum: Kedua-dua ayat ini secara jelas menunjukkan bahawa pembunuhan hanya terbahagi kepada dua jenis sahaja, iaitu pembunuhan sengaja dan pembunuhan tersalah, tanpa ada jenis ketiga di antara keduanya. Sekiranya terdapat jenis ketiga, nescaya Allah SWT akan menerangkannya dengan jelas dalam Al-Quran. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa pembunuhan hanya terdiri daripada dua jenis ini sahaja. (Ibn Rushd, 2014; al-Zurqānī, 2003)

Mereka juga menggunakan hujah akal dengan menyatakan bahawa perbuatan yang dilakukan tanpa niat dan perbuatan yang dilakukan dengan niat adalah dua perkara yang berbeza dan tidak boleh disatukan. Mereka berpendapat bahawa tidak mungkin wujud jenis ketiga di antara kedua-dua keadaan ini, kerana niat dan ketiadaan niat adalah dua perkara yang saling bertentangan, maka tidak wajar untuk mewujudkan kategori ketiga yang menggabungkan kedua-duanya. (al-Bājī, 1914; al-Ḥaṭṭāb, 1992)

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pembunuhan separuh sengaja merangkumi semua perbuatan di mana pelaku berniat untuk menyerang mangsa tetapi tidak berniat untuk membunuhnya, walaupun perbuatan tersebut akhirnya menyebabkan kematian mangsa. Berdasarkan pengungkapan syarak, pembunuhan separuh sengaja meliputi kematian yang disebabkan oleh pukulan, kecederaan, pemberian bahan beracun atau berbahaya, lemas, bakar, dan sesak nafas, serta semua bentuk perbuatan yang membawa kepada pembunuhan jika pelaku tidak mempunyai niat untuk membunuh tetapi mempunyai niat untuk mencederakan. Istilah "pembunuhan" meliputi semua perbuatan yang menyebabkan kematian, justeru pilihan para ulama syariah menggunakan istilah ini bagi merujuk kepada pelbagai jenis serangan dan kecederaan yang berakhir dengan kematian adalah tepat, kerana kesemua bentuk perbuatan ini membawa kepada satu kesudahan yang sama, iaitu kehilangan nyawa.

Pendapat yang lebih kuat (rajih) dalam perbahasan mengenai *shibh al-'amd* (pembunuhan separa sengaja) adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh majoriti fuqaha', di mana kewujudan kategori ini disokong oleh dalil-dalil yang kukuh dan terbukti dalam hadis-hadis Nabi Muhammad SAW, serta penjelasan yang diberikan oleh para sahabat Baginda yang meriwayatkannya tanpa sebarang penafian daripada mana-mana pihak. Kewujudan *shibh al-'amd* ini diterima secara ijmak (kesepakatan) dalam kalangan fuqaha'.

Pandangan jumhur fuqaha' tentang takrifan *shibh al-'amd* adalah diterima pakai, kerana ia menggambarkan keadaan di mana seseorang melakukan perbuatan memukul dengan sengaja, namun tanpa niat untuk membunuh mangsa. Walaupun demikian, akibat daripada perbuatan tersebut, kematian tetap berlaku tanpa ada niat daripada pelaku untuk menyebabkan kematian. Oleh yang demikian, berdasarkan prinsip ini, suatu perbuatan boleh dianggap sebagai pembunuhan sengaja (*'amd*) apabila ia melibatkan niat terhadap kedua-dua aspek, iaitu niat terhadap perbuatan itu sendiri dan juga terhadap kesan yang ditimbulkan oleh perbuatan tersebut, iaitu kematian. Sebaliknya, pembunuhan yang dianggap sebagai kesalahan (*khata'*) terjadi apabila tidak ada niat terhadap perbuatan mahupun akibat yang timbul daripada perbuatan itu, termasuk kematian.

Rujukan

- Abū Zayd, Bakr ibn ‘Abd Allāh. (1996). *Aḥkām al-jināyah ‘alā al-naḥs wa mā dūnahā ‘inda Ibn al-Qayyim: Dirāsah wa muwāzanah* (1st ed.). Bayrūt, Lubnān: Mu’assasat al-Risālah.
- al-‘Aynī, Badr al-Dīn Maḥmūd ibn Aḥmad ibn Mūsā ibn Aḥmad ibn al-Ḥusayn al-Ḥanafī. (2000). *al-Bināyah Sharḥ al-Hidāyah* (Ayman Ṣāliḥ Sha‘bān, Ed.; 1st ed., Vols. 1–13). Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bājī, Abū al-Walīd Sulaymān ibn Khalaf ibn Sa’d ibn Ayyūb ibn Wārith al-Tujībī al-Qurtubī al-Bājī al-Andalusī. (1914). *al-Muntaqā sharḥ al-Muwatta’* (1st ed., Vols. 1–7). Maṭba‘at al-Sa‘ādah, biḥiwar Muḥāfazat Miṣr.
- al-Dusūqī, Muḥammad ibn Aḥmad ibn ‘Arafah al-Dusūqī al-Mālikī. (n.d.). *Hāshiyat al-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr* (4 vols.; bi-ṭarḥ al-Sharḥ al-Kabīr li-Aḥmad al-Dardīr ‘alā Mukhtaṣar Khalīl fī ‘alā al-ṣafḥah). Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad al-Ṭūsī al-Shāfi‘ī. (2006). *al-Wajīz fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*. Beirut, Lebanon: Dār al-Arqam ibn Abī al-Arqam.
- al-Ḥaṭṭāb, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Ṭarābulusī al-Maghribī, al-ma‘rūf bi-l-Ḥaṭṭāb al-Ru‘aynī al-Mālikī. (1992). *Mawāhib al-Jalīl fī sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (3rd ed., Vols. 1–6). Dār al-Fikr.
- al-Jurjānī, ‘Alī ibn Muḥammad ibn ‘Alī al-Zayn al-Sharīf. (1983). *Kitāb al-Ta’rīfāt* (1st ed.; Ḍabbaṭahu wa ṣaḥḥahu jamā‘ah min al-‘ulamā’ bi-ishrāf al-nāshir). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn, Abū Bakr ibn Mas‘ūd al-Ḥanafī, al-mulaqqab bi-Malik al-‘Ulamā’. (2000). *Badā’i’ al-Ṣanā’i fī Tartīb al-Sharā’i* (‘Alī Mu‘awwad & ‘Ādil ‘Abd al-Mawjūd, Eds., 10 vols.). Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kharshī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn ‘Abd Allāh. (1899). *Sharḥ al-Kharshī ‘alā Mukhtaṣar Khalīl* (2nd ed., 8 vols.). Būlāq, Miṣr: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah. (Reproduced by Dār al-Fikr, Beirut).
- al-Khaṭīb al-Shirbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad al-Shāfi‘ī. (n.d.). *al-Iqnā’ fī Hall Alfāz Abī Shujā’* (Maktab al-Buḥūth wa-al-Dirāsāt, Ed.; 2 vols. in 1). Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr.
- al-Mālik, Abū ‘Abd Allāh Mālik ibn Anas. (2014). *al-Mudawwanah al-Kubrā: Riwayat Saḥnūn* (Ministry of Awqāf Saudi Arabia ed.). Riyadh, Saudi Arabia: Ministry of Awqāf Saudi Arabia, Maṭba‘at al-Sa‘ādah.
- al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī. (n.d.). *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Cairo, Egypt: Dār al-Ḥadīth.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā ibn Sharaf. (1991). *Rauḍat al-Ṭālibīn wa-‘Umdat al-Muftīn* (3rd ed., 12 vols.; ‘Amal taḥqīq wa-taṣḥīḥ: Qism al-Taḥqīq wa-al-Taṣḥīḥ fī al-Maktab al-Islāmī, bi-ishrāf Zuhayr al-Shāwīsh). Beirut–Dimashq–‘Ammān: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Abī al-‘Abbās Aḥmad ibn Ḥamzah Shihāb al-Dīn. (1984). *Nihāyat al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj* (Last ed., 8 vols.). Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr.
- al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm ibn ‘Alī ibn Yūsuf al-Fīrūzābādī al-Shāfi‘ī. (2013). *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Zurqānī, Muḥammad ibn ‘Abd al-Bāqī ibn Yūsuf. (2003). *Sharḥ al-Zurqānī ‘alā Muwaṭṭa’ al-Imām Mālik* (Ṭāhā ‘Abd al-Ra‘ūf Sa’d, Ed.; 1st ed., Vols. 1–4). Maktabat al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- Ibn al-Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad ibn ‘Abd al-Wāḥid al-Sīwāsī al-Ḥanafī. (2003). *Faṭḥ al-Qadīr Sharḥ al-Hidāyah*, ma‘ahu: matn al-Hidāyah li-al-Marghīnānī, al-‘Ināyah fī

- Sharḥ al-Hidāyah li-‘Alā’ al-Dīn al-Bukhārī, wa-Ḥāshiyat Sa‘dī Jalabī ‘alā al-‘Ināyah* (1st ed.). Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-Haytamī, Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Alī. (1983). *Tuḥfat al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj* (10 vols.; rāja‘at-hu wa-ṣaḥḥaḥat-hu Lajnah min al-‘Ulamā’; ma‘a ḥāshiyat ‘Abd al-Ḥamīd al-Sharwānī wa-ḥāshiyat Aḥmad ibn Qāsim al-‘Abbādī). Cairo, Egypt: al-Maktabah al-Tijārīyah al-Kubrā li-Ṣāhibihā Muṣṭafā Muḥammad. (Reprinted in Beirut, Lebanon: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī).
- Ibn Manẓūr, Muḥammad ibn Mukarram ibn ‘Alī, Abū al-Faḍl, Jamāl al-Dīn, al-Anṣārī al-Ru‘fa‘ī al-‘Ifriqī. (1994). *Lisān al-‘Arab* (3rd ed.; bi-ḥawāshī al-Yāzjī wa-jamā‘ah min al-lughawiyyīn). Dār Ṣādir.
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh ibn Muḥammad ibn Qudāmah al-Jamā‘ilī al-Maqdisī thumma al-Dimashqī al-Ḥanbalī. (1930). *al-Mughnī* (Muḥaqqiq: Muḥammad Rashīd Riḍā; 12 vols.; 2nd ed.). Cairo, Egypt: Maṭba‘at al-Manār wa-Maktabatuhā.
- Ibn Rushd al-Ḥafīd, Abū al-Walīd Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Rushd al-Qurṭubī. (2004). *Bidāyat al-Mujtahid wa-Nihāyat al-Muqtaṣid* (4 vols.). Cairo, Egypt: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Qurṭubī al-Andalusī. (2014). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtaṣid* (1st ed.). Beirut, Lebanon: Dār Ibn Ḥazm.